

## Doa Di Waktu Pagi

اللَّهُمَّ بِكَ أَصْبَحْنَا وَبِكَ أَمْسَيْنَا  
وَبِكَ نَحْيَا وَبِكَ نَمُوتُ وَإِلَيْكَ  
النُّشُورُ

Maksudnya: "Ya Allah, dengan pertolongan Engkau kami mengalami pagi dan petang. Juga kerana Engkau kami hidup dan kami mati, kepada Engkau tempat kami dikembalikan".

### Firman Allah SWT :

"...dan Kami turunkan dari al- Qur'an itu sesuatu yang menjadi penawar (penyembuh) dan rahmat bagi orang-orang yang beriman".

Surah al-Israa': ayat 82



7. Membaca tahiyat (awal atau akhir bergantung pada bilangan rakaat)



8. Memberi salam


(Perbuatan memaling muka ketika salam adalah sunat kerana yang wajib hanyalah sebutan "Assalamu'alaikum warahmatullah")

TERBITAN  
2009



## PANDUAN SEMBAHYANG KETIKA SAKIT

SOLAT SECARA MENGIRING  
DI ATAS KATIL



يَاشَافِي  
Wahai Tuhan Yang  
Menyembuhkan  
Penyakit

Disediakan oleh :  
Unit Hal Ehwal Islam  
Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang  
Tel : 03-3375 7000 samb. 1504/1507

SILA LETAKKAN RISALAH INI  
DI TEMPAT YANG SEWAJARNYA

## PENGENALAN

♦ Solat merupakan suatu kewajipan yang **WAJIB** dilaksanakan oleh setiap orang Islam yang mukallaf dan sempurna syarat seperti berakal, baligh (cukup umur), suci daripada haid dan nifas bagi perempuan.

## SYARAT SAH SOLAT

1. Beragama Islam.
2. Mempunyai akal yang sempurna.
3. Suci daripada hadas kecil dan besar.
4. Suci daripada najis pada badan, pakaian dan tempat solat.
5. Menutup aurat.
6. Menghadap kiblat (yang berkemampuan).
7. Mengetahui masuk waktu solat dengan yakin.

## KEADAAN YANG MENGHARUSKAN SOLAT DENGAN KAEDAH INI

1. Pesakit yang mengalami masalah untuk duduk sama ada di atas katil atau kerusi.
2. Pesakit yang kedua-dua belah kakinya berbalut/ simen.
3. Pesakit yang berada di wad patah tulang.
4. Pesakit yang mengalami *spinal injury* (kecederaan tulang belakang).

## Amali Solat



1. Mengiring dengan menghadap kiblat mengikut kemampuan pesakit dan berniat



2. Membaca surah al-Fatihah dan surah



3. Ruku' dengan menundukkan sedikit kepala



4. I'tidal (bangun dari ruku' dan kembali seperti keadaan asal)



5. Sujud (dengan menundukkan sedikit kepala melebihi had ruku')



6. Duduk di antara dua sujud